



## **TEKS UCAPAN**

**Y.B DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
PENGERUSI RISDA**

**MAJLIS PELANTIKAN RAKAN STRATEGIK, MIHA-JAKIM DAN  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UCAM DAN  
KOHAS**

**TEMPAT : ARAS 7, BLOK D, BAHAGIAN HAB  
HALAL JAKIM, KOMPLEKS ISLAM,  
PUTRAJAYA**

**TARIKH : 7 FEBRUARI 2018 (RABU)**

**MASA : 12.00 TENGAHARI**

## **Salutasi**

### **1. Y.B. DATO' MOHD.FASIAH BIN MOHD FAKEH**

**Pengerusi Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM)**

### **2. YBHG. DATO' NASARUDIN BIN MALEK**

**Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA**

### **3. YBHG. DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE**

**Pengarah Hab Halal JAKIM**

### **4. YBHG. TN.HJ.SOPIAN BIN ABU BAKAR**

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.**

### **5. YBRS. PROF. DATUK DR. FARIDAH HANAM BT.MOHD RASHID**

**Naib Canselor UCAM**

### **6. Pengarah - Pengarah Bahagian RISDA/Ketua-Ketua Unit JAKIM/ Wakil Pengurusan PEHMA**

### **7. Rakan-rakan Media**

## **8. Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penyerahan Surat Lantikan MIHA oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) dan Korea Halal Association (KOHAS) pada hari yang diberkati ini. Terlebih dahulu, tidak terlambat kiranya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018 kepada semua. Semoga dengan bermulanya tahun baru ini, maka bermulalah azam dan semangat baharu dalam diri setiap warga untuk mempamerkan kesungguhan dan kreativiti masing-masing dalam tugas yang telah diamanahkan. Harapan saya agar segala usaha mengukir lebih banyak kejayaan gemilang buat UCAM akan diteruskan.

2. UCAMHalal Center, Universiti Kolej Agrosains Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2016. Pada 18

Mei 2017 pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melantik UCAMHalal Center di samping beberapa Institusi Pendidikan Pengajian Tinggi lain sebagai Pusat Penyedia Latihan Halal Malaysia yang bertauliah dan mempunyai 30 orang tenaga pengajar terlatih di dalam bidang halal.

3. Pihak RISDA berasa bangga dengan penubuhan UCAMHalalCentre, yang diiktiraf oleh JAKIM sebagai Pusat Penyediaan Latihan Halal yang bertauliah. Antara kejayaan yang telah dicapai ialah membantu seramai 36 orang usahawan RISDA pada tahun 2016 bagi mendapatkan pensijilan Halal JAKIM melalui program RISHALL Cert. Seterusnya, UCAM juga terlibat di dalam program *Road to China* di antara pihak RISDA dan *Modern Agriculture & Halal International Economic Zone* (MAHIEZ) dengan menandatangani MOU bersama MAHEIZ untuk bekerjasama dalam menyediakan kursus-kursus halal bagi melahirkan eksekutif halal untuk agensi atau pemilik syarikat perseorangan bagi mendapatkan status halal kepada produk-produk yang dipasarkan.

4. Dengan kepercayaan yang diberikan oleh JAKIM, UCAMHalal Center berpengalaman membantu Bahagian Pembangunan Usahawan RISDA melaksanakan program-program berkaitan halal termasuk melatih, membimbing dan memantau usahawan RISDA sehingga 36 usahawan RISDA mendapat persijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM. UCAMHalal Center berpengalaman sebagai Panel Industri kepada Institusi Pendidikan, badan-badan kerajaan atau swasta dan individu yang ingin mengadakan program berkaitan halal dan Membangunkan tenaga kerja mahir dalam industri halal yang mendapat permintaan di peringkat dalam dan luar Negara.

5. Saya difahamkan bidang kerjasama UCAMHalal Center dengan KOREA HALAL ASSOCIATION (KOHAS) dimana pihak KOHAS akan menawarkan program latihan di Korea. Kerjasama ini juga bertujuan untuk mempromosikan standard dan prosedur halal Malaysia di Korea. UCAMHalal Center juga akan dapat menjalankan kajian dan pembangunan industri halal di Korea serta dapat melatih tenaga kerja halal yang kompeten sesuai dengan keperluan semasa.

6. Dengan kerjasama ini, saya yakin ini adalah satu lagi langkah ke hadapan kepada UCAMHalal Center untuk mengembangkan potensi dalam pengendalian kursus halal diperingkat antarabangsa serta saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JAKIM kerana memberi kepercayaan penuh kepada UCAMHalal yang juga mewakili RISDA sebagai konsultansi Persijilan Halal. Semoga dengan kerjasama yang wujud ini akan membuahkan hasil yang lebih baik dan cemerlang kepada UCAM khususnya dan kepada RISDA amnya dalam industri halal ini.

7. Apa yang kita tanam. Itu yang akan kita tuai. Oleh itu, marilah kita fikir yang baik-baik, berbicara yang baik - baik. Tanamkan juga ideologi hebat agar akhirnya pemikiran atau kepercayaan ini mampu menjadi titian kepada kegemilangan organisasi kita. Insya Allah yang baik-baik dan yang hebat-hebat sahaja yang akan datang kepada kita.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih**